

11 JAN 1997

BDM INTERNATIONAL INGIN TUBUH IBU PEJABAT RANTAUNYA DI M'SIA

Oleh: Salmey Hashim

WASHINGTON, 11 Jan (Bernama) -- BDM International, sebuah syarikat teknologi maklumat dengan cawangan di lapan negara, ingin menubuhkan ibu pejabat rantaunya di Malaysia dan mengubah suai perisian untuk pasaran Asia, kata ketua pegawai eksekutifnya Philip A.Odeen.

Odeen, yang juga presiden syarikat itu memberitahu Bernama menerusi telefon dari New York bahawa sebuah ibu pejabat untuk rantau Asia akan dipilih dalam masa 18 bulan ini.

"Kami melihat Kuala Lumpur sebagai lokasi paling wajar untuk Asia," katanya.

BDM meraih pendapatan US\$890 juta (US\$1 = RM2.50) bagi 1995 dan US\$993 juta untuk 12 bulan berakhir 30 Sept, 1996. Ia mempunyai 8,000 kakitangan di negara-negara termasuk Eropah dan Asia Timur serta di Jepun dan Korea Selatan.

Syarikat milik awam itu berpejabat di Mclean, Virginia, dekat sini bermula sebagai kontraktor ketenteraan. Ia disusun semula dan kini lebih dikenali dalam bidang teknologi maklumat.

Odeen berkata Malaysia merupakan lokasi menarik bagi pelaburan kerana "sikapnya yang sopan terhadap pelabur" selain pekerjaannya yang mahir serta mampu bertutur bahasa Inggeris yang dapat membantu syarikat itu meningkatkan mutu produknya bagi pasaran Asia.

Koridor Raya Multimedia (MSC), dijangka menjana pelbagai peluang perniagaan dan akan menjadikan Malaysia lebih menarik kepada syarikat seperti itu, kata beliau.

"Tambahan pula, kami berhasrat menyertai eksperimen yang unik ini bagi membangunkan satu pusat teknologi maklumat untuk lembangan Pasifik," kata Odeen, yang turut menerima pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa untuk MSC.

Odeen berkata beliau akan menghadiri mesyuarat pertama panel itu yang akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir pada Khamis di Stanford University di Palo Alto, California.

Beliau menyifatkan projek MSC sebagai amat menarik dan satu ide kreatif yang belum terdapat di mana-mana negara lain.

Odeen juga berkata beliau berbangga dapat bekerja dengan Dr Mahathir dan berharap dapat memberi sumbangannya dalam bidang latihan kepada tenaga kerja mahir dalam era maklumat. -- BERNAMA

SH FR MAI